



TH Plantations catat rugi bersih RM12.95 juta

Hazwan Faisal Mohamad

Khamis, 25 Jun 2020 | 9:01pm

KUALA LUMPUR: TH Plantations Bhd (THP) merekodkan kerugian bersih RM12.95 juta untuk suku pertama bagi tahun berakhir 2020, berbanding kerugian bersih RM8.9 juta yang dicatatkan pada suku sama tahun lalu.

Syarikat perladangan itu dalam kenyataan hari ini berkata, kerugian suku pertama itu disebabkan oleh kerugian pertukaran asing yang belum direalisasikan, kos kewangan dan perubahan nilai saksama dalam aset biologi yang ditanggung oleh kumpulan, masing-masing berjumlah RM18.41 juta, RM14.06 juta dan RM10.80 juta.

Katanya, pada peringkat operasi, kumpulan itu melaporkan keuntungan kasar RM25.6 juta untuk suku dikaji berbanding keuntungan kasar RM24.88 juta untuk tempoh sama tahun lalu.

"Pendapatan untuk suku pertama berjumlah RM115.55 juta, meningkat 0.23 peratus berbanding suku sama tahun lalu," katanya.

Kumpulan itu berkata, penghasilan dan pemprosesan tandan buah segar (TBS) kumpulan untuk kedua-duanya menurun sebanyak 21 peratus sewaktu tempoh dikaji, sementara pengeluaran dan penjualan Minyak Sawit Mentah (MSM) masing-masing berkurang sebanyak 22 peratus dan 25 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Kumpulan turut mencatatkan penurunan dalam pengeluaran dan penjualan isirung kelapa sawit (PK) masing-masing sebanyak 24 peratus dan 28 peratus berbanding suku sama tahun lalu," katanya.